



ORANG ramai menaiki MRT fasa pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang, semalam.

'MACAM DI KOREA'

Orang ramai ambil peluang cuba pengangkutan MRT buat kali pertama

Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Buat tempoh seketika ini, tagline #jomnaik-mrt antara yang menjadi trending di laman sosial disebabkan kemunculan kemudahan pengangkutan baharu, Aliran Transit Massa (MRT) yang dilihat benar-benar mengubah landskap industri pengangkutan rel di Malaysia.

Mana tidaknya, rakyat Malaysia khususnya pengguna tegar perkhidmatan awam yang selama ini hanya kenal pengangkutan LRT dan monorel kini dikejutkan dengan satu lagi pilihan pengangkutan yang disifatkan sebagai antara paling canggih dan selesa setaraf negara maju yang lain.

Tepat jam 6 pagi semalam, orang ramai sudah boleh menggunakan perkhidmatan MRT membabitkan 12 stesen dalam fasa pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang bermula di Stesen Su-

Beri manfaat besar

Kuala Lumpur: Kemudahan Transit Aliran Massa (MRT) yang memulakan operasi hari pertamanya semalam adalah pengangkutan yang sememangnya dinantikan oleh seluruh rakyat Malaysia kerana ia dilihat memberi manfaat besar.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, beliau yakin pengangkutan MRT adalah paling kondusif dan selesa digunakan oleh semua pengguna terutama dalam mengelakkan kesesakan jalan raya.

Katanya, ia sekali gus memberi gambaran baru terhadap sistem pengangkutan awam di negara ini dengan pelancaran MRT fasa pertama dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan.

"Perkhidmatan MRT ini adalah satu projek yang dinantikan rakyat kerana ia memberi manfaat besar.

"Saya pasti ia adalah pengangkutan awam paling kondusif dan selesa bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar. Fasa pertama yang beroperasi hari ini (semalam) memberi gambar baru kepada sistem pengangkutan di negara ini," katanya menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan, di sini, semalam.

ngai Buloh hingga Stesen Semantan secara percuma selama sebulan.

Penulis turut berkesempatan untuk mencuba pengangkutan itu semalam, ketika mengikuti lawatan media bersama Presiden dan Ketua

Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz serta kakitangan yang lain.

Kami berkumpul di Stesen Pusat Bandar Damansara jam 9.30 pagi untuk mengikuti lawatan yang berakhir di Stesen Sungai Buloh untuk meninjau kemudahan yang ada di stesen berkenaan.

Selain kumpulan media yang ramai, kelihatan juga penumpang terdiri daripada pelbagai latar belakang mengambil kesempatan mencuba pengangkutan baru itu.

Seorang guru, Norhaidah Osman, 48, yang menaiki MRT bersama keluarga dari Stesen Sungai Buloh berkata, walaupun baru hari pertama ia beroperasi, namun dia be-

gitu berpuas hati dengan kemudahan itu kerana ia cukup lengkap dan selamat.

Katanya, ia amat berbaloi dengan penantian selama ini terutama apabila terpaksa melalui kesesakan jalan raya yang teruk disebabkan projek pembinaan masih berjalan.

"Saya dan keluarga tidak mahu melepaskan peluang untuk merasai pengangkutan MRT buat kali pertama ini dan apa yang boleh dikatakan ialah MRT ini membuatkan saya seperti berada di Korea.

"Ia setanding dengan negara luar dan amat selesa. Walaupun sebelum ini agak geram kerana jalan sesak ketika pembinaan berjalan tetapi tidak sangka penantian dan kesukaran itu amat berbaloi," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata pihaknya menjangkakan bilangan penumpang akan mencecah 160,000 orang sehari bermula Januari depan.

Katanya, beliau yakin bilangan penumpang yang akan menggunakan pengangkutan baru itu bertambah dari semasa ke semasa sebagai pilihan orang ramai untuk mengelakkan kesesakan jalan raya.

"Tujuan kerajaan melaburkan jumlah besar terhadap pengangkutan MRT untuk mengurangkan kesesakan jalan raya kerana kita melihat lebih banyak masa terbuang untuk menempuh masalah ini pada setiap hari, sekali gus mengurangkan produktiviti," katanya.

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG FASA SATU SUNGAI BULOH-SEMANTAN

Perkhidmatan MRT dan bas perantara percuma

16/12/16 - 16/01/17



STASI	DESTINASI
SUNGAI BULOH	Hospital Sungai Buloh
	Bukit Rahman Putra
	Kg. Paya Jaras (Kubu Gajah)
KAMPUNG SELAMAT	Kg. Baru Sungai Buloh
KWASA DAMANSARA	Seksyen 6, 7 & 8, Kota Damansara
	Subang Bestari
	Subang Perdana - Lapangan terbang Subang
KOTA DAMANSARA	Seksyen 4 & 5, Kota Damansara
	Taman Sains Selangor
SURIAN	Mutiara Tropicana
	Seksyen 11, Kota Damansara
MUTIARA DAMANSARA	Damansara Perdana
	Bukit Lanjan
BANDAR UTAMA	Kg. Kayu Ara
	Utara TTDI, Kg. Penchala
TTDI	Seksyen 22, Petaling Jaya
	Taman Tun Dr. Ismail
PHILEO DAMANSARA	Universiti Malaya
	Seksyen 22, Petaling Jaya
PUSAT BANDAR DAMANSARA	Mid Valley
	Sri Hartamas
	KL Sentral
	Menara DBKL
SEMANTAN	Kompleks Mahkamah KL, Jalan Dutra

Petunjuk:

- Stesen pertukaran
- Park N' Ride
- Tempat letak basikal

Sumber: MRT Corp. | Infografik: Bernama